

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK ([English Version](#))

Sila baca **Helaian Pendedahan Produk** ini sebelum anda menetapkan untuk memohon Kad Debit Hong Leong.

Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am Kad Debit.



Kad Debit Hong Leong Bank

Tarikh:

Dikemaskini pada 21 Sep 2023

1. Apakah produk ini?

Kad Debit ini adalah suatu instrumen pembayaran yang membolehkan anda membuat bayaran bagi barangan dan perkhidmatan daripada akaun deposit anda di kedai dan perkhidmatan yang turut serta melalui rangkaian Visa, Mastercard atau MEPS. Kad Debit ini juga membolehkan anda membuat pengeluaran wang tunai di Mesin Juruwang Automatik ("**ATM**"). Anda dikehendaki mengekalkan akaun deposit dengan kami, yang akan dipautkan kepada Kad Debit anda. Jika anda menutup akaun deposit di Hong Leong Bank ("**HLB**"), anda tidak boleh melakukan apa-apa transaksi dengan Kad Debit. Pemegang kad hendaklah membaca dan memahami Terma dan Syarat Kad Debit HLB sebelum menandatangani perjanjian dan menggunakan Kad Debit.

- **Pengeluaran Wang Tunai di ATM**
Mengeluarkan wang tunai dalam negara dan luar negara daripada lebih 1 juta mesin ATM yang mempamerkan logo MEPS, Visa, PLUS, Mastercard atau Cirrus.
- **Kemudahan Pembayaran**
Membuat belian di lebih 29 juta peniaga Visa dan Mastercard dalam negara dan luar negara, serta juga peniaga MyDebit. Anda juga boleh membayar bil, memindahkan wang dan membuat belian dalam talian.
- **Penerimaan Visa payWave/PayPass/ MCCS Contactless**
Bayar dengan satu imbasan – cara yang cepat, tanpa sentuhan dan mudah untuk membuat pembayaran.
- **Diskaun & Keistimewaan**
Nikmati diskaun eksklusif apabila menjamu selera, membeli-belah, melancong dan lain-lain lagi di tempat peniaga terpilih hanya dengan menggunakan Kad Debit Hong Leong.
- **Faedah Bonus**
Akaun Simpanan anda akan mendapat Faedah Bonus apabila anda menggunakan Kad Debit Hong Leong anda. Anda akan memperolehi Faedah Bonus yang lebih tinggi apabila anda lebih menggunakan Kad Debit. Ini adalah sah jika anda pautkan Akaun Pembelian Runcit anda kepada:-
 - (a) Akaun Pay&Save Hong Leong
 - (b) Akaun One Hong Leong (tanpa overdraf)
- **Ciri Mata Wang Pelbagai**
Ciri Mata Wang Pelbagai atau "**MCF**" merujuk kepada mata wang asing yang disimpan dalam Akaun HLB anda yang dibenarkan oleh HLB untuk diupayakan dengan MCF yang membolehkan Pemegang Kad, antara lain:
 - (a) memegang mata wang asing yang dibenarkan oleh Bank dari semasa ke semasa;
 - (b) melakukan Transaksi Luar Negara dalam mata wang asing yang dipilih oleh Pemegang Kad;
 - (c) menukar suatu mata wang asing ke mata wang asing yang lain dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF Pemegang Kad melalui cawangan Bank atau HLB Connect.

Bagi mengelakkan keraguan, MCF hanya tersedia untuk Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF yang dipegang oleh Pemegang Akaun tunggal. Mata wang asing terkini yang diluluskan untuk MCF boleh didapati di Laman Web HLB > Deposit > Akaun Simpanan > [Akaun Pay&Save](#)

Catatan:

- (a) "**Transaksi Luar Negara**" bermaksud transaksi Kad Debit dan Kad ATM yang dilakukan oleh Pemegang Kad di luar Malaysia, dengan syarat bahawa Pemegang Kad telah memilih untuk membenarkan Transaksi Luar Negara dilakukan pada Kad Debit yang berkenaan;
- (b) "**Akaun Diaktifkan MCF**" bermaksud akaun Pemegang Kad di mana MCF telah diupayakan, yang mungkin termasuk akaun yang dipautkan ke Kad Debit.

2. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Untuk senarai fi dan caj yang lengkap, sila layari laman web kami www.hlb.com.my/dc2 atau imbas di sini:



3. Apakah terma dan syarat utama?

- (a) Sekiranya diperlukan oleh Peniaga yang sah dan bergantung pada dana yang ada, jumlah pra-kebenaran berikut akan dikenakan ke Akaun Pembelian Runcit yang dipautkan dengan Kad Debit:
 - (i) RM200 untuk pembayaran yang dibuat untuk pembelian petrol di dispenser bahan bakar automatik;

- (ii) jumlah yang telah ditetapkan oleh Peniaga Sah dan dipersetujui oleh anda untuk pembayaran selain daripada pembelian petrol di dispenser bahan api automatik.
- (b) Jumlah pra-kebenaran akan dikembalikan dan jumlah transaksi sebenar akan dicajkan ke Akaun Pembelian Runcit anda apabila penyelesaian diselesaikan oleh peniaga dalam masa dua puluh satu (21) hari kalendar atau tempoh lain yang mungkin diberitahu oleh HLB.
- (c) Bagi pembelian petrol, anda boleh memilih untuk membayar dengan Kad Debit anda di juruwang kios petrol untuk mengelakkan pegangan jumlah pra-kebenaran.

4. Bagaimana jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

Anda mestilah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kehilangan Kad Debit.

1. Tanggungjawab Pemegang Kad:

- (a) mematuhi terma dan syarat bagi penggunaan Kad Debit.
- (b) mengambil langkah yang munasabah untuk menjaga keselamatan Kad Debit dan PIN pada setiap masa, termasuk di tempat kediaman Pemegang Kad. Ini termasuk tidak:
 - (i) mendedahkan butiran Kad Debit atau PIN kepada mana-mana pihak lain;
 - (ii) menulis PIN di atas Kad Debit, atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad;
 - (iii) menggunakan PIN yang dipilih daripada tarikh lahir Pemegang Kad, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon; dan
 - (iv) membenarkan mana-mana orang lain untuk menggunakan Kad Debit dan PIN.
- (c) memaklum kepada HLB secepat mungkin setelah diketahui Kad Debit hilang, dicuri, atau satu transaksi tanpa kebenaran telah dilakukan atau PIN mungkin telah dikompromi;
- (d) memaklum kepada HLB dengan segera apabila menerima amaran transaksi Paparan Notifikasi melalui Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect (“HLB Connect App”) atau khidmat pesanan ringkas (SMS) jika urusan niaga itu adalah tanpa kebenaran;
- (e) memaklum kepada HLB dengan segera sebarang perubahan pada nombor telefon Pemegang Kad.
- (f) menggunakan Kad Debit dengan bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad Debit untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- (g) menyemak Penyata akaun dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa berlengah;
- (h) pemegang Kad hendaklah memastikan semua Transaksi Kad (termasuk Transaksi Luar Negara) mematuhi Notis Dasar Pertukaran Asing (“Notis FEP”) Bank Negara Malaysia (“BNM”). Pemegang Kad disarankan untuk membaca dan memahami Notis FEP di Laman Web BNM di www.bnm.gov.my/fep untuk memastikan semua aktiviti yang dilakukan menggunakan Kad Debit HLB mematuhi Notis FEP setiap masa.

2. Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi PIN tanpa izin jika anda:

- (a) melakukan penipuan;
- (b) lewat untuk memberitahu HLB secepat mungkin selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan tanpa izin Kad Debit anda;
- (c) mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela; atau
- (d) merekodkan PIN anda di atas Kad Debit, atau pada apa-apa benda yang disimpan berdekatan Kad Debit anda.

3. Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi tanpa izin yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuhan, jika anda:

- (a) melakukan penipuan;
- (b) lewat untuk memberitahu HLB secepat mungkin selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan tanpa izin Kad Debit anda;
- (c) meninggalkan Kad Debit anda atau barang yang mengandungi Kad Debit anda tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
- (d) membenarkan orang lain untuk menggunakan kad Debit anda secara sukarela.

4. Anda bertanggungjawab sepenuhnya atas segala transaksi ATM tanpa izin.

5. Apakah risiko utama?

- Jangan gunakan PIN/kata laluan yang dipilih dari tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon anda untuk mengurangkan penggunaan tanpa izin Kad Debit anda jika Kad Debit anda hilang/dicuri.
- Kad Debit anda hilang/dicuri. Anda hendaklah serta-merta memberitahu Pusat Panggilan Hong Leong di **03-7626 8899** untuk menyekat penggunaan Kad Debit anda sebaik sahaja mengetahui Kad Debit anda hilang atau dicuri atau transaksi tanpa izin telah dilakukan atau PIN telah dikompromi.
- Anda mesti memaklumkan kepada HLB sebaik sahaja menerima amaran transaksi Paparan Notifikasi melalui Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect (“HLB Connect App”) atau SMS jika transaksi itu adalah tanpa kebenaran.

6. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir perhubungan saya berubah?

Untuk memastikan segala surat-menyurat sampai ke tangan anda tepat pada waktunya, adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami jika terdapat apa-apa perubahan dalam butir-butir perhubungan dan/atau peribadi anda. Anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami atau hubungi Pusat Panggilan Hong Leong kami di **03-7626 8899** untuk mengemaskinikan butir-butir perhubungan dan/atau peribadi anda.

7. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

- (a) Untuk mendapat maklumat terbaharu seperti terkandung dalam Kertas Pendedahan Produk dan terma & syarat produk kami secara lengkap, sila layari www.hlb.com.my. Sekiranya ditemui apa-apa percanggahan, maka maklumat terbaharu dan terma & syarat dalam laman web Hong Leong Bank akan diutamakan.
- (b) Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Hong Leong di **03-7626 8899**.
- (c) Untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, anda boleh menghubungi kami di: Customer Advocacy, Level 13A, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. Tel: 03-7626 8801/03-7626 8802/03-7626 8812 E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my

8. Pakej-pakej kad Debit yang disediakan

- Kad Debit Junior Hong Leong

9. Fungsi Transaksi Tanpa Sentuhan

• Had Transaksi Tanpa Sentuhan

Transaksi tanpa sentuhan tanpa pengesahan PIN dihadkan pada RM250 setiap transaksi (“**Had Transaksi Tanpa Sentuhan**”). Untuk transaksi tanpa sentuhan RM250 dan ke bawah, anda tidak perlu memasukkan PIN anda selepas menyentuh/mengimbas Kad Debit anda pada pembaca tanpa sentuhan. Untuk transaksi tanpa sentuhan melebihi RM250, anda diperlukan untuk membuat pengesahan PIN.

• Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan

Kumulatif transaksi tanpa sentuhan tanpa pengesahan PIN dihadkan pada RM800 setiap hari atau had lain yang mungkin anda tetapkan (“**Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan**”). Untuk keselamatan tambahan, sebarang transaksi tanpa sentuhan tanpa pengesahan PIN yang mencapai Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan akan dibatalkan dan anda akan diminta untuk membuat transaksi dengan pengesahan PIN di terminal Tempat Jualan untuk meresetkan Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan. Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan anda akan diresetkan secara automatik setiap hari atau pada bila-bila masa anda membuat transaksi dengan pengesahan PIN.

• Menetapkan Had Transaksi Anda

Anda boleh menetapkan Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan anda dari RM0 – RM800 melalui HLB Connect, Pusat Panggilan Hong Leong atau dengan melawati mana-mana cawangan HLB/HLISB. Had Transaksi Tanpa Sentuhan dan Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan akan tertakluk kepada dan tidak akan melebihi had pembelian runcit yang telah anda tetapkan. Contoh:

Had Pembelian Runcit	Had Transaksi Tetapan Tanpa Sentuhan	Had Kumulatif Tetapan Tanpa Sentuhan
RM100	RM100	RM100
RM300	RM250	RM300
RM1,000	RM250	RM800

10. Panduan Keselamatan Pemegang Kad Debit PIN & BAYAR

Anda, dan mana-mana pemegang kad tambahan, dikehendaki mengambil semua langkah yang sewajarnya untuk mencegah Kad Debit dan nombor kad, PIN, kata laluan atau sebarang butiran keselamatan lain untuk kad atau akaun (“butiran keselamatan kad”) daripada disalahgunakan atau digunakan untuk melakukan penipuan.

Langkah-langkah pencegahan ini merangkumi:

- tandatangan pada Kad Debit apabila ia diterima dan patuhi sebarang arahan keselamatan;
- lindungi Kad Debit, PIN, dan sebarang butiran keselamatan Kad Debit;
- jangan benarkan sesiapa mengambil atau menggunakan Kad Debit;
- musnahkan sebarang maklumat PIN dan sebarang butiran keselamatan Kad Debit;
- jangan tulis nombor PIN atau butiran keselamatan Kad Debit atau mendedahkannya kepada sesiapa termasuk pihak polis dan/atau kakitangan Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank;
- jangan benarkan sesiapa melihat PIN anda semasa anda memasukkannya atau ia dipaparkan;
- jangan mengubahsuai Kad Debit;
- semak dengan kerap bahawa Kad Debit masih ditangan anda;
- simpan resit Kad Debit dengan selamat dan lupuskan dengan cermat;
- hubungi kami jika ada sebarang perkara yang mencurigakan atau masalah mengenai penggunaan Kad Debit di terminal; dan
- semak penyata anda dengan kerap dan laporkan mengenai sebarang aktiviti yang mencurigakan dengan segera.

Anda dikehendaki memaklumkan kepada kami dengan segera jika:

- Kad Debit anda hilang atau dicuri;
- PIN anda telah terdedah/dikompromi;
- Kad Debit anda ditahan oleh ATM; atau
- Alamat atau maklumat perhubungan anda telah bertukar.

Ada dikehendaki memilih atau menukar PIN anda kepada nombor yang dipilih oleh anda, sebelum PIN boleh digunakan untuk sebarang urusan. Pilihan PIN anda mestilah angka yang boleh mengurangkan kemungkinan ia dapat diteka oleh orang lain. Anda perlu mengelakkan PIN yang tidak sesuai seperti:

- tarikh lahir, bulan atau tahun dalam sebarang bentuk atau kombinasi;
- nombor berturutan (seperti 345678) dan gabungan nombor yang mudah dikenali (seperti 111111);
- sebarang kumpulan nombor yang dicetak di atas Kad Debit anda; atau
- Lain-Lain nombor peribadi yang mudah diperolehi seperti sebahagian daripada nombor telefon peribadi, nombor kad pengenalan atau lain-lain data peribadi.

Pra-Kebenaran Kad untuk Urusniaga Pembelian Runcit yang Dibuat dengan Peniaga Sah

- Apakah yang berlaku apabila saya menggunakan Kad Debit dengan Peniaga Sah yang meminta pra-kebenaran?
Apabila anda menggunakan Kad Debit anda dengan Peniaga Sah, peniaga tersebut akan membenarkan jumlah pra-kebenaran pada saat transaksi. Ini dilakukan dengan menghantar amaun pra-kebenaran pada kad bayaran kepada Pengeluar Kad Debit anda.
- Apakah maksud pra-kebenaran?
Pra-Kebenaran adalah pegangan sementara sejumlah amaun tertentu daripada baki tersedia pada kad bayaran. Ia digunakan sebagai pengesahan bahawa kad adalah aktif dan mempunyai dana yang mencukupi untuk transaksi.
- Berapakah amaun yang akan di pra-kebenaran pada Kad Debit saya?
Amaun pra-kebenaran untuk pembelian petrol di pam layan diri ditetapkan kepada RM200 dan untuk Transaksi Belian Runcit yang lain, amaun pra-kebenaran adalah amaun transaksi yang ditetapkan oleh Peniaga Sah dan dipersetujui oleh anda.
- Bagaimana jika amaun sebenar yang diurusniagakan adalah kurang daripada amaun pra-kebenaran?
Amaun pra-kebenaran bukan caj dan tidak ada dana yang didebitkan dari akaun Kad Debit, tetapi baki yang ada pada Kad Debit dikurangkan buat sementara waktu dengan amaun pra-kebenaran. Setelah anda berurusan, amaun sebenar akan dihantar ke bank pengeluar anda. Pada tahap ini, amaun sebenar akan didebitkan dari akaun Kad Debit, dan amaun pra-kebenaran akan dijelaskan. Walau bagaimanapun, ini mungkin akan mengambil masa sehingga dua puluh satu (21) hari kalendar selepas transaksi dan pra-kebenaran dijana.
- Bagaimanakah jika dana tersedia saya kurang dari amaun pra-kebenaran atau jika saya mahu mengelakkan pegangan dana atas kad saya?
Anda tidak boleh meneruskan transaksi anda jika amaun pra-kebenaran anda lebih daripada dana anda yang tersedia. Untuk pembelian petrol, jika anda mahu mengelakkan pra-kebenaran di pam layan diri, anda dinasihatkan agar membuat pembayaran di kaunter juruwang kios petrol di mana amaun belian sebenar akan ditolak daripada akaun anda.

Kad Debit dengan Ciri Tanpa Sentuhan

Kad tanpa sentuhan adalah cara mudah dan pantas untuk membayar dan membolehkan anda membuat pembelian harian hanya dengan menyentuh Kad Debit tanpa sentuhan anda apabila anda melihat simbol universal tanpa sentuhan.

- Bagaimana kad tanpa sentuhan saya berfungsi?
Fungsi tanpa sentuhan merangkumi cip komputer terbenam dengan antena yang menghantar isyarat tanpa wayar dalam jarak dekat tanpa sentuhan di antara terminal peniaga dan Kad Debit tanpa sentuhan. Untuk membuat pembayaran, anda hanya perlu mengimbas Kad Debit anda dengan ruang tanpa sentuhan kepada terminal pembaca apabila diarahkan. PIN atau tandatangan tidak diperlukan untuk transaksi tanpa sentuhan sehingga RM250 di Malaysia.

Ciri-ciri Keselamatan

- Kad Debit sentiasa di tangan anda
Langkah keselamatan paling mudah untuk Kad Debit tanpa sentuhan adalah ia mestilah sentiasa di tangan anda. Oleh kerana anda mengawal pembayaran, orang lain tidak berpeluang untuk melakukan leretan berganda atau membuat salinan Kad Debit semasa anda tidak melihat.
- Cip selamat untuk menghalang pemalsuan
Kad Debit tanpa sentuhan adalah selamat sama seperti Kad Debit didayakan cip yang lain dan memiliki tahap keselamatan pelbagai peringkat untuk menghalang pemalsuan. Setiap transaksi tanpa sentuhan merangkumi kod unik yang dijana oleh cip yang terdapat di dalam Kad Debit, yang berubah dengan setiap pembelian, sekali gus menghalang penipu daripada memainkan semula maklumat yang dibaca daripada cip untuk membuat pembayaran.
- Pengesahan Pemegang Kad untuk pembelian bernilai lebih tinggi
Memandangkan teknologi tanpa sentuhan direka untuk menawarkan pemegang-pemegang kad kepantasan and kemudahan semasa pembayaran di kaunter juruwang, anda tidak perlu menandatangani atau memasukkan PIN untuk transaksi tanpa sentuhan yang berjumlah sehingga RM250 di Malaysia. Sekiranya jumlah transaksi melebihi RM250, anda masih boleh mengimbas Kad Debit tetapi akan dikehendaki memasukkan PIN anda atau akan diminta menandatangani resit.
- Tiada Liabiliti Pemegang Kad untuk Pembelian Tanpa Sentuhan
Seandainya berlaku penipuan, anda tidak akan dipertanggungjawabkan untuk caj yang dibuat secara penipuan tersebut atau pembelian tanpa kebenaran yang dibuat menggunakan ciri tanpa sentuhan pada cip Kad Debit

anda. Anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan segera atau sebaik sahaja menyedari atau mengesyaki terdapat penggunaan tanpa kebenaran atau aktiviti yang mencurigakan. Bagaimanapun, anda akan dipertanggungjawabkan ke atas pembelian tanpa kebenaran jika anda cuai semasa melindungi Kad Debit atau PIN anda.

Soalan Lazim

1. Bolehkah saya membuat pembayaran tanpa disedari apabila saya melintasi terminal pembaca tanpa sentuhan?

Kad Debit tanpa sentuhan mestilah berada dalam jarak amat dekat bagi membolehkan pembaca tanpa sentuhan di juruwang untuk berfungsi. Kad Debit tanpa sentuhan anda hanya boleh digunakan apabila Kad Debit berada dalam jarak 4sm daripada pembaca tanpa sentuhan. Bukan itu sahaja, terminal pembaca perlu difungsikan oleh juruwang dan ia hanya akan berlaku apabila juruwang memulakan urusan transaksi di terminal untuk menerima bayaran. Jika terminal pembaca tanpa sentuhan tidak memproses sebarang transaksi, ia tidak akan membaca sebarang kad tanpa sentuhan yang berada berhampiran dengannya secara tidak sengaja.

2. Apakah yang berlaku jika saya menyentuh Kad Debit saya dua kali pada terminal pembaca tanpa sentuhan?

Terminal pembaca tanpa sentuhan hanya boleh memproses satu transaksi pada satu masa. Walaupun Kad Debit tanpa sentuhan telah tersentuh dua kali, anda hanya akan dibil sekali sahaja untuk transaksi tersebut.

3. Apakah yang berlaku jika saya memiliki lebih daripada satu Kad Debit tanpa sentuhan di dalam dompet dan saya menyentuh dompet saya pada terminal pembaca tanpa sentuhan?

Jika anda memegang Kad Debit anda di hadapan terminal pembaca tanpa sentuhan dan anda mempunyai satu atau lebih kad lain dengan ciri tanpa sentuhan, pembaca kad mungkin akan mengesan lebih daripada satu kad dan tidak akan melengkapkan pembayaran. Anda perlu melakukan transaksi tersebut sekali lagi. Anda seharusnya memastikan anda hanya memegang satu kad pada terminal pembaca dan sentiasa membawanya ke luar daripada dompet apabila mahu digunakan.

4. Apakah yang berlaku jika penipu membaca Kad Debit saya dengan meletakkan terminal pembaca tanpa sentuhan berhampiran dompet saya?

Dalam situasi yang tidak mungkin berlaku di mana butiran peribadi Kad Debit tanpa sentuhan dapat dibaca oleh penipu menggunakan terminal pembaca tanpa sentuhan yang berhampiran dengan poket atau dompet anda, ciri keselamatan telah tersedia untuk mencegah penggunaan tanpa kebenaran butiran keselamatan kad yang telah dicuri. Setiap transaksi tanpa sentuhan merangkumi kod unik yang berubah dengan setiap pembelian, ia hanya boleh digunakan sekali sahaja dan hanya boleh dijana oleh cip di dalam Kad Debit tanpa sentuhan yang asal, dan ia mencegah Kad Debit palsu daripada dihasilkan menggunakan butiran keselamatan kad yang dicuri. Sekiranya berlaku penipuan, anda tidak akan bertanggungjawab untuk caj penipuan atau pembelian tanpa kebenaran yang dibuat menggunakan ciri tanpa sentuhan pada kad cip anda. Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan serta-merta atau secepat mungkin tentang sebarang penggunaan Kad Debit yang tidak dibenarkan atau sebarang aktiviti yang mencurigakan.

5. Bolehkah penipu mencuri Kad Debit saya dan menggunakannya untuk mengosongkan akaun bank saya?

Langkah keselamatan telah tersedia untuk menghalang penggunaan Kad Debit tanpa sentuhan yang hilang atau dicuri oleh mana-mana penipu. Terdapat had transaksi tanpa sentuhan yang rendah sebanyak RM250, jika melebihinya, transaksi tidak boleh dibenarkan tanpa pengesahan pemegang kad—pengesahan PIN atau tandatangan. Transaksi akan dianalisa oleh pengeluar kad dan rangkaian pembayaran global dalam masa-sebenar untuk mengenal pasti corak penipuan dan mengesan transaksi yang mencurigakan.

Maklumat yang diberikan dalam Helaiian Pendedahan Produk ini sah pada 21 Sep 2023.